

# Jangan lengahkan bayaran kepada kontraktor

Oleh OPAT RATTANACHOT

SIK 17 Ogos - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegur segelintir pegawai kerajaan yang melengah-lengah pembayaran kepada kontraktor sehingga mengakibatkan projek Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) tergendala.

Perdana Menteri berkata, ada pegawai kerajaan yang 'menyimpan' atau menyerahkan kepada pegawai lain untuk menyemak cek tuntutan bayaran kontraktor walaupun telah diluluskan.

"Kalau cek itu telah ditandatangani dan disahkan serta dimasukkan ke da komputer, serahkan sahaja kepada kontraktor yang berkenaan untuk memulakan projek," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan program Pembangunan Usahawan Industri Asas Tani Nasional di Sekolah Kebangsaan Bandar Baru Beris Jaya, di sini hari ini.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Tan Sri Muhyiddin Yassin dan Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid.

Abdullah memberitahu, masalah

kelewatan bayaran tuntutan kepada kontraktor itu dibincangkan dalam mesyuarat Kabinet semalam.

Menurut Perdana Menteri, masalah kelewatan pembayaran tuntutan kepada kontraktor berpunca daripada sifat keraguan di antara para pegawai kerajaan yang terbabit dalam meluluskan cek berkenaan.


"Walaupun cek telah diluluskan, cek itu akan diserahkan dahulu kepada banyak peringkat untuk dilihat sehingga dua tiga kali," katanya.

Sehubungan itu, bagi mengelakkan masalah kelewatan itu, Abdullah mencadangkan supaya satu borang disediakan untuk diisi oleh pihak kontraktor yang mengemukakan tuntutan pembayaran projek.

Borang itu, katanya, perlu disahkan dan ditandatangani oleh jurutera arkitek dan pihak penilai projek sebelum diluluskan oleh pegawai yang terbabit dalam memberi kelulusan tersebut.

"Kalau ketiga-tiga pihak telah mengesahkan dan segala kerja yang dilakukan mengikut peraturan, maka pegawai kerajaan terbabit perlu mempercayainya," tegasnya.

Ini kerana, tambah beliau, pihak yang mengesahkan tuntutan pembayaran itu akan menanggung akibat jika ia dilakukan sambil lewa.



**ABDULLAH Ahmad Badawi dilirngi Mahdzir Khalid (kanan) bersalaman dengan orang ramai yang menyambut ketibaannya di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim, Kepala Batas, Alor Star, semalam.**  
- Gambar ISMAIL KAMADIN